




**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 3 & 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

Tel : 03-8884 9586 (ARAS 3) / 03-8884 9370 (ARAS 4)

Faks : 03-8884 9315

Laman Web : <http://www.moe.gov.my/bpsh>



KP(BPSH-SPDK)201/002/1/Jld.177(6^d)

Tarikh : 9 Januari 2013

Dr. Razali bin Hassan
Dekan
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja, Batu Pahat
Johor Darul Takzim

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN BAGI GURU PELATIH MENJALANI PRAKTIKUM / LATIHAN
MENGAJAR DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA 2013**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Setelah meneliti permohonan yang dikemukakan oleh pihak tuan mengenai perkara di atas, Kementerian Pelajaran Malaysia bersetuju memberi kebenaran kepada **Universiti Tun Hussein Onn Malaysia** menghantar pelajar-pelajar dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional menjalani **Praktikum / Latihan Mengajar** di sekolah-sekolah menengah di Malaysia bagi memenuhi keperluan induksi sendiri dan latihan mengajar mereka dari **4 Februari hingga 24 Mei 2013** seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami.

3. Sehubungan dengan ini, pihak universiti / institut pendidikan hendaklah menghubungi Pengarah Pelajaran negeri-negeri yang terlibat untuk membincangkan kaedah terbaik pelaksanaan program ini. Pihak tuan juga dikehendaki mengemukakan senarai nama pelajar kepada Pendaftar Negeri (Pengarah Pelajaran Negeri) di mana mereka akan mengikuti latihan mengajar tersebut untuk mendapatkan Permit Mengajar.

4. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada

- 4.1 **Seksyen 103(1) dan (2)(a), (2)(b) dan (2)(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);**
- 4.2 **Seksyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550); dan**
- 4.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1985: Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti**

dan Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya, membatalkan suatu permit mengajar dengan memberi notis bertulis kepada pemegang permit itu.

/rd.spdk.jen/13


5. Pihak tuan juga dikehendaki memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi:
- 5.1 Mendapat persetujuan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah terlibat;
 - 5.2 Pihak sekolah akan melantik guru/guru-guru pendamping dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru-guru pelatih berkenaan;
 - 5.3 Pihak universiti / institut pendidikan hendaklah menamakan seorang pegawai/pensyarah pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru-guru pelatih berkenaan;
 - 5.4 Pengetua/Guru Besar boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran guru-guru pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai/pensyarah pembimbing mereka;
 - 5.5 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh Pengetua/Guru Besar untuk terlibat sama dengan mana-mana program dan/atau aktiviti sekolah;
 - 5.6 Pihak universiti / institut pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan guru-guru pelatih sepanjang menjalani latihan mengajar tersebut;
 - 5.7 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa proses pengajaran pembelajaran guru-guru pelatih hendaklah ditanggung oleh Universiti sepenuhnya;
 - 5.8 Semua guru pelatih adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
 - 5.9 Salinan laporan di akhir latihan mengajar hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar; dan
 - 5.10 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa.

6. **Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 31 Mei 2013.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



SHAZALI BIN AHMAD
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k. 1. Semua Pengarah Pelajaran Negeri